

ULAMA DALAM AL-QU'RAN: ANALISIS TAFSIR MAWDU'I TERHADAP CIRI-CIRI ULAMA HAQQ DAN ULAMA SU'

SCHOLARS IN THE QUR'AN: THEMATIC TAFSIR ANALYSIS OF THE CHARACTERISTICS OF TRUE AND FALSE SCHOLARS

Ahmad Mustafa Khairuddin¹
Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi²
Nor Syamimi Mohd^{3*}
Mustaqimah⁴

¹ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: p165920@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunna, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: izzar@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: norsyamimimohd@ukm.edu.my)

⁴ Prodi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin dan Dakwah, IAIN Sultan Amai Gorontalo, Jl. Gelatik No. 1, Heledulaa Utara, Kota Timur, Gorontalo, Indonesia (E-mail: mustaqimah@iaingorontalo.ac.id)

*Corresponding author: norsyamimimohd@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026
Revised date : 8-6-2026
Accepted date : 15-7-2026
Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Khairuddin, A. M., Mohammed Zabidi, A. F., Mohd, N. S. & Mustaqimah. (2026). Ulama dalam al-Qu'ran: Analisis tafsir mawdu'i terhadap ciri-ciri ulama haqq dan ulama su'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 594 – 604.

Abstrak: Fenomena 'ulama scammer' (penipu) dalam masyarakat Islam kontemporari kerap mencetuskan kekeliruan apabila golongan tertentu menyerupai penampilan ulama melalui pakaian, gelaran dan gaya bicara agama yang mengagumkan. Hal ini telah menimbulkan krisis kepercayaan terhadap institusi ulama. Kajian ini bertujuan mengenal pasti ciri-ciri yang membezakan ulama haqq daripada ulama su' berdasarkan al-Qur'an. Metodologi kajian kepustakaan dan pendekatan tafsir mawdu'i digunakan dengan berasaskan tujuh langkah metodologi Mustafa Muslim. Hasil kajian menunjukkan bahawa ulama haqq ialah pewaris Nabi ﷺ yang menerima amanah ilmu, tarbiyah dan hikmah melalui sanad perguruan yang bersambung kepada Baginda ﷺ. Dengan itu dapat membawa diri mereka serta membimbing umat kepada kesedaran dan keterhubungan dengan Allah ﷻ dan Rasulullah ﷺ dalam ingatan dan ketaatan pada dimensi keakalan, amalan dan kerohanian. Sebaliknya, ulama su' dicirikan dengan penyalahgunaan agama untuk kepentingan duniawi, menyemerakkan permusuhan dan kebencian. Kajian ini menegaskan bahawa pengenalanpastian ciri-ciri kedua-dua golongan tersebut amat penting bagi membimbing masyarakat agar tidak terpedaya dengan imej luaran semata-mata serta mengukuhkan kembali kepercayaan terhadap institusi ulama yang tulen.

Kata Kunci: Ulama; al-Qur'an; Tafsir Mawdu'i; Ulama Haqq; Ulama Su'

Abstract: *The phenomenon of ulama scammers in contemporary Muslim societies has triggered confusion and eroded trust in the institution of religious scholarship. Individuals who imitate the image of scholars through attire, titles, and persuasive rhetoric often blur the line between authentic scholars and their corrupt counterparts. This study seeks to identify the distinguishing characteristics of ‘ulamā’ ḥaqq (authentic scholars) and ‘ulamā’ sū’ (corrupt scholars) as outlined in the Qur’an. Employing a library-based research method and the tafsīr mawdū‘ī (thematic exegesis) approach, the study follows the seven methodological steps developed by Mustafa Muslim. The findings highlight that ‘ulamā’ ḥaqq are the heirs of the Prophet ﷺ, entrusted with true knowledge, spiritual training (tarbiyah), and wisdom (ḥikmah), transmitted through an unbroken sanad. They embody the integration of intellect, practice, and spirituality, guiding the Muslim community towards obedience to Allah ﷻ and His Messenger ﷺ. Conversely, ‘ulamā’ sū’ exploit religion for worldly gain, spreading division, hostility, and hatred. This study asserts the necessity of recognizing these contrasting traits to safeguard society from superficial religious authority and to restore confidence in genuine scholarly leadership.*

Keywords: ‘Ulamā’; Qur’an; Tafsīr Mawdū‘ī; Authentic Scholars; Corrupt Scholars

Pengenalan

Institusi ulama merupakan tonggak penting dalam tradisi Islam. Mereka bukan sahaja dianggap pewaris misi kenabian untuk menyampaikan ilmu, membimbing umat dan menjaga kesucian agama, malah juga berperanan sebagai model moral dan penjaga kesinambungan tradisi keilmuan. Namun, sejarah mencatatkan wujudnya dua kategori ulama: ulama *ḥaqq*, iaitu golongan yang ikhlas menegakkan kebenaran berasaskan ilmu dan ketakwaan serta ulama *su’*, iaitu mereka yang memperalatkan ilmu demi habuan duniawi. Pembahagian ini bukanlah kerangka fikiran moden, bahkan telah pun dihuraikan oleh sarjana klasik seperti Imam al-Ghazali dalam *Ihya’ ‘Ulum al-Din* (al-Ghazali, 2020).

Definisi menurut Ulama *Lughah*

Secara *lughawi*, kata ‘*ulama*’ adalah bentuk jamak daripada ‘*alim*’ yang berasal dari kata kerja ‘*alima*-ya-*‘lamu*’-*‘ilman*’, yang bermakna ‘mengetahui’ atau ‘memiliki pengetahuan’. Ibn Manzūr (1990) dalam *Lisān al-‘Arab* menyebut bahawa ‘*ilm*’ bermakna *al-idrāk* dan *ma‘rifah*, iaitu pengetahuan atau pengenalan dan ‘*ālim* ialah *al-‘ārif bi al-shay’*’ (orang yang mengetahui). Istilah ‘*ālim*’ menjadi lawan kepada *jāhil* (orang yang tidak tahu). Dalam kamus-kamus klasik, istilah ini dikaitkan dengan orang yang memiliki *ma‘rifah* lebih dalam bila dibandingkan dengan orang awam. Al-Rāghib al-Aṣṣḥānī (2001) dalam *Mufradāt Alfāz al-Qur’ān* menegaskan bahawa *al-‘ilm* ialah *idrāk al-shay’ bi-ḥaqqiqatihi*, iaitu mengetahui sesuatu sesuai dengan hakikatnya. Seorang ‘*ālim*’ dengan itu ialah insan yang dapat memahami sesuatu pada realitinya serta mampu menghukumkan sesuatu sama ada menetap atau menafikan sifat baginya dengan tepat. Al-Rāghib membahagikan ilmu kepada dua dimensi, iaitu *nazarī* (teoretikal) dan ‘*amalī*’ (praktikal) serta dari sudut sumber kepada ‘*aqlī*’ (rasional) dan *sam‘ī*’ (wahyu). Lantas ‘*ālim*’ menurutnya bukan sekadar berpengetahuan, tetapi juga seseorang yang menggabungkan teori dan amal serta mencerap ilmu melalui akal dan wahyu dengan tepat.

Pandangan Ulama Tafsir dan Hadis

Kajian klasik tafsir misalnya menumpukan kepada ayat utama iaitu dalam Surah Fāṭir, ayat 28 dengan jelas menyebutkan tentang ulama “...Sesungguhnya yang benar-benar takut kepada Allah dalam kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu (ulama)”. Dalam *Tafsīr*

al-Qur'ān al-'Azīm, Imam Ibn Kathīr (1999) menegaskan ulama sejati adalah mereka yang *ma'rifahnya* kepada Allah melahirkan *khasyah* yang sempurna, dengan semakin mendalam pengetahuan tentang Allah, semakin kuat pula rasa takut dan pengagungan kepada-Nya. Sementara Imam al-Qurtubī (2003) juga menerangkan dalam *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* bahawa ulama yang hakiki adalah yang ilmunya membawa kepada ketakwaan dan amal soleh. Tradisi tafsir ini diperkuat oleh Imam Fakhr al-Din al-Rāzī juga dalam *Mafātih al-Ghayb* telah menjelaskan bahawa kemuliaan seseorang di sisi Allah berasaskan dengan takwa, manakala takwa bertambah seiring dengan bertambahnya ilmu yang benar (al-Rāzī, 1999)

Dalam kajian hadis, dengan riwayat yang sahih dalam Sunan Abi Dawud, dari seorang Sahabat iaitu Abu Darda' RA bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sesungguhnya keutamaan seorang alim berbanding seorang ahli ibadah ialah seperti keutamaan bulan purnama berbanding seluruh bintang. Sesungguhnya para ulama itu ialah pewaris para nabi. Para nabi tidak mewariskan dinar dan tidak juga dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambilnya (ilmu tersebut), dia telah mengambil bahagian yang sangat besar” (Abū Dāwūd, t.th.). Rasyid (2011) dalam kajiannya bertajuk, ‘Keutamaan ilmu ulama perspektif hadis’ menghuraikan bahawa kedudukan ulama bukan sekadar kerana wawasan ilmunya, tetapi kerana kemurnian moral dan kesejajaran antara ilmu dengan amal. Hadis lain memberi amaran tentang bahaya ulama *su'*, antaranya yang diriwayatkan oleh al-Darimi bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud, “Ketahuilah, seburuk-buruk manusia ialah ulama jahat dan sebaik-baik manusia ialah ulama yang baik” (al-Dārimī, 2000).

Analisis Azhar (2022) menunjukkan perbezaan takrif ulama *su'* menurut ulama hadis dan Imam al-Ghazali. Ulama hadis melihat mereka sebagai penganjur kemungkaran, iaitu *a'immat al-mudillin* yang bermaksud pemimpin-pemimpin yang menyesatkan, sementara al-Ghazali melihat mereka sebagai ilmuwan yang memperalatkan agama demi dunia. Perspektif ini memperkayakan pemahaman kita bahawa ulama *su'* adalah ancaman dalaman yang berbahaya bagi agama dan masyarakat. Dalam konteks tafsir Nusantara, Buya Hamka melalui *Tafsir al-Azhar* menekankan konsep ‘rasa gentar yang cerdas’ sebagai natijah *ma'rifah* tentang kebesaran Allah. Hamka memperluas definisi ulama daripada skop tradisional ahli ilmu agama kepada ilmuwan pelbagai bidang yang menyingkap tanda-tanda kebesaran Allah dalam ayat-ayat *kawniyyah* (Fatih, 2019). Tafsiran Hamka menunjukkan sintesis antara tradisi klasik dengan keperluan kontemporari; ulama bukan hanya penjaga tradisi, tetapi agen perubahan sosial.

Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam Klasik dan Modern

Selain perspektif tafsir dan hadis, tokoh-tokoh ilmuwan Islam juga menekankan dimensi moral ulama. Imam Malik menolak gelaran ulama bagi mereka yang tidak memiliki rasa takut kepada Allah, manakala Hasan al-Basri menegaskan ulama ialah yang takut kepada yang ghaib, mencintai apa yang dicintai Allah dan membenci apa yang dimurkai-Nya (Hsubky, 1995).

Syed Naquib al-Attas (1980, 1993) pula menekankan aspek adab, memahami hierarki ilmu dengan meletakkan wahyu di puncak epistemologi. Beliau memberi amaran bahawa kehilangan adab akan melahirkan ‘intelektual tanpa ruhani’, sekali gus mengikis maruah keilmuan umat. Peranannya bukan sekadar menyampaikan hukum, tetapi juga menjaga kesatuan epistemologi Islam daripada serangan sekularisme moden (Hashim & Rossidy, 2000). Tokoh-tokoh Nusantara lain seperti Sjadzali telah mendefinisikan ulama dengan menekankan ciri-ciri ketakwaan, penguasaan ilmu (tafsir-hadis-fiqh), *istiqamah*, integriti serta kepimpinan moral dan sosial. Tambahan pula, dalam Musyawarah Antarpimpinan Pesantren Tinggi di Indonesia pada tahun 1988 di Jakarta, para kiai dan pengasuh telah merumuskan ulama sebagai hamba

Allah yang mengenal-Nya secara hakiki, pewaris para nabi, pemimpin dan teladan dalam ketakwaan, istiqamah, berani menegakkan kebenaran, menolak hawa nafsu, menegakkan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* serta menjadi pemersatu umat dalam memperjuangkan Islam demi keredaan Allah SWT (Hsubky, 1995).

Isu Ulama Scammer

Dewasa ini, terdapat pelbagai laporan akhbar memperlihatkan kemunculan 'ustaz scammer' yang memperlalat simbol-simbol agama untuk tujuan penipuan, sama ada melalui pelaburan sunnah, perniagaan berjenama Islamik atau pakej haji dan umrah palsu (*Harapan Daily*, 2025; *Free Malaysia Today*, 2025; *Sinar Harian*, 2024). Tambahan pula, berlaku kes salah laku seksual seperti jenayah rogol dan gila seks membabitkan agamawan yang menodai imej institusi agama dan menjejaskan keyakinan masyarakat (*Astro Awani*, 2024; *Berita Harian*, 2024; *Harian Metro*, 2025). Surah al-Jathiyah, ayat 23 mengingatkan mengenai golongan berilmu yang sesat kerana tunduk kepada hawa nafsu. Tambahan pula, imej negatif ini semakin diperkuat oleh filem dan drama kontemporari yang sering menggambarkan watak-watak ustaz penunggang agama sebagai pengejar kedudukan, harta, atau pemuas nafsu. Misalnya, drama kontroversi *Bidaah* yang ditayangkan di Malaysia dan ditonton oleh jutaan masyarakat Islam melalui platform internet di pelbagai negara, menerima teguran rasmi JAKIM kerana babak yang dianggap mencemarkan imej institusi agama, malah penerbit akur untuk memotong adegan yang tidak sesuai (*Berita Harian*, 2025). Laporan antarabangsa mengangkat isu bagaimana drama *Bidaah* membuka mata mangsa untuk tampil membongkar skandal cabul oleh ketua yayasan agama (*Sinar Harian*, 2025) serta menyingkap kisah-kisah serupa yang berlaku di Aceh, Indonesia (*Kosmo!*, 2025).

Mengenal dan Mendampingi *Ahl al-Haqq*

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk ditegaskan bahawa dalam setiap zaman, Allah tetap memelihara wujudnya golongan *ahl al-haqq* yang berpegang teguh kepada kebenaran, sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis sahih yang mafhumnya, "Rasulullah SAW bersabda: Akan sentiasa ada satu golongan dari umatku yang tampil membela kebenaran. Mereka tidak akan dimudaratkan oleh orang yang mengkhianati mereka sehingga datangnya perintah Allah dan mereka tetap dalam keadaan demikian" (*Sahih Muslim*, Hadis No. 1920) (Muslim, 1995).

Begitu juga dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya, "Sesungguhnya Allah akan membangkitkan bagi umat ini pada setiap awal seratus tahun, seseorang yang akan memperbaharui (memperbaharui kefahaman dan amalan) agamanya" (*Sunan Abī Dāwūd*, Kitab al-Malahim, Hadis No. 4291) (Abū Dāwūd, t.th.). Oleh sebab itu, Baginda SAW telah pun menjelaskan keutamaan mengenali dan mendampingi mereka seperti mana yang dijelaskan dalam hadis yang berikut yang mafhumnya: "Mahukah aku khabarkan kepada kamu tentang sebaik-baik teman dudukmu? (Ia adalah) seseorang yang apabila kamu melihatnya, dia mengingatkanmu kepada Allah; apabila dia berbicara, dia menambah ilmunu; dan apabila kamu melihat amalannya, ia mengingatkan kamu tentang akhirat" (Ibn Abi al-Dunya, 1993).

Dalil-dalil ini membuktikan bahawa walaupun wujudnya ulama *su'* dan penunggang agama, umat Islam tidak seharusnya berputus asa atau memukul rata semua ulama sebagai tidak boleh dipercayai. Seterusnya kriteria sebaik-baik teman untuk didampingi berdasarkan hadis di atas secara jelas menggambarkan mereka adalah ulama *haqq*. Oleh itu, kajian tafsir *mawdu'i* terhadap konsep ulama dalam al-Qur'an amat penting bagi membentuk garis panduan yang jelas untuk mengenal pasti dan menangani fenomena ulama *su'* dalam komuniti tempatan, seterusnya memulihkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi ulama dan mengelakkan

sikap bersangka buruk serta penilaian secara pukol rata terhadap semua asatizah. Meskipun banyak kajian telah menyentuh aspek ulama klasik dan moden, masih terdapat kekosongan dalam kajian komprehensif yang menganalisis ulama *haqq* dan ulama *su'* secara sistematik melalui pendekatan tafsir *mawdu'i*. Oleh itu, artikel ini hadir untuk mengisi jurang tersebut.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kajian kepustakaan dari pelbagai sumber ilmiah termasuk kitab-kitab *turath Islami* dan kajian serta pendekatan kaedah tafsir *mawdu'i* berdasarkan metodologi yang dikembangkan oleh Muslim (2005) dalam karyanya *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawdu'i*. Prosedur pengumpulan data mengikuti tujuh langkah utama: (1) menentukan tajuk tema 'ulama dalam al-Qur'an' sebagai perbahasan utama; (2) mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan tema secara langsung atau tidak langsung; (3) menyusun ayat-ayat berdasarkan waktu turun (tertib *nuzul*); (4) menganalisis tafsiran ayat-ayat secara komprehensif dengan merujuk kitab-kitab tafsir *tahlili*; (5) mengeluarkan unsur-unsur utama daripada ayat-ayat yang berkaitan dengan tema; (6) menggunakan metode tafsir *ijmali* dalam menerangkan unsur-unsur perbahasan; dan (7) menggunakan kaedah penulisan ilmiah dalam merangka perbahasan.

Dapatan Kajian

Ciri-ciri Ulama *Haqq*

Kajian ini telah mengangkat lima ciri utama ulama *haqq* daripada sintesis ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan tema ulama, iaitu: *hashyah* Allah, *rasikhun fi al-'ilm*, *qiyam bi al-qist*, *tawadu'* dan *amanah al-bayan*. Ciri-ciri ini bukan sahaja membentuk asas konseptual ulama menurut pandangan wahyu, tetapi juga menjadi neraca untuk menilai kesahihan dan keaslian wibawa ulama sepanjang zaman.

Hashyah (Takut kepada Allah)

Hashyah merupakan asas utama yang membezakan ulama *haqq* dengan selainnya. Firman Allah ﷻ: "Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya hanyalah para ulama." (Fāṭir, 35:28) menegaskan bahawa ilmu yang benar tidak sekadar bersifat kognitif, tetapi mengekang seseorang daripada penyelewengan, tunduk kepada hawa nafsu, atau terlibat dalam maksiat. Menurut Ibn Kathīr (1999), *hashyah* yang tulen lahir daripada pengenalan mendalam terhadap Allah Yang Maha Agung, Maha Kuasa dan Maha Mengetahui. Semakin luas pengetahuannya tentang sifat-sifat kesempurnaan Allah, semakin besar pula ketakutannya kepada-Nya. Ibn Kathīr turut menukilkan tafsiran Ibn 'Abbās RA bahawa orang yang mengenal Allah ialah mereka yang tidak mempersekutukan-Nya, menjaga batas halal dan haram, menghayati perintah-Nya dan sedar akan pertanggungjawaban di hadapan-Nya. Justeru, *hashyah* bukanlah perasaan takut semata-mata, tetapi kesedaran ruhani yang melahirkan hubungan ingatan dan ketaatan pada Allah dan Rasulullah SAW. Ulama yang memiliki *hashyah* tidak akan memperalatkan ilmu atau kedudukan mereka untuk menipu, mengeksploitasi masyarakat atau mencari keuntungan duniawi (Hamka, 1983; al-Qaradāwī, 1996).

Rasikhun fi al-'Ilm

Rasikhun fi al-'ilm merujuk kepada ulama yang mantap dan kukuh ilmunya, sebagaimana firman Allah ﷻ: "Dan orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya; semuanya itu datang daripada sisi Tuhan kami" (Āli 'Imrān, 3:7). Golongan ini bukan sekadar memahami ayat-ayat *muḥkam* yang jelas, tetapi juga berkeupayaan menakwil ayat-ayat

mutashābih melalui kaedah bahasa, usul tafsir dan ilmu syarak. Al-Qurtubī (2003) menegaskan kedudukan mereka sebagai *rasikh* menuntut keluasan ilmu yang lebih mendalam berbanding orang awam, sebagaimana doa Rasulullah ﷺ kepada Ibn ‘Abbās agar diberikan pemahaman dalam agama dan diajarkan *ta’wil*. Ayat-ayat *mutashābih*, menurut al-Qurtubī, terbahagi kepada dua: yang tidak dapat diketahui maknanya sama sekali seperti perkara ghaib mengenai roh dan kiamat (al-Isrā’, 17:85; Luqmān, 31:34) dan yang boleh ditakwil secara sah melalui kaedah bahasa, misalnya firman Allah berkenaan Nabi ‘Īsā AS: “... dan ruh daripada-Nya” (al-Nisā’, 4:171). Al-Zarkashī (1957) mengingatkan bahawa ulama yang benar-benar *rasikh* menundukkan ayat *mutashābih* kepada ayat-ayat muhkam, bukan memanipulasi teks untuk kepentingan hawa nafsu atau ideologi. Oleh itu, ulama *rasikh* mempamerkan sifat berhati-hati, berdisiplin serta berpegang kepada integriti metodologi dalam memahami wahyu. Ilmu mereka yang mantap dapat menjaga umat daripada penyelewengan, berbeza dengan ulama *su’* yang sering memperalatkan mutashābih untuk kepentingan duniawi (Hamka, 1983; al-Qaradāwī, 1996).

Qiyām bi al-Qiṣṭ

Qiyām bi al-qiṣṭ ialah sikap menegaskan keadilan secara menyeluruh, merupakan satu daripada ciri utama ulama *haqq*. Firman Allah ﷻ: “Allah menyatakan bahawa tiada Tuhan melainkan Dia dan para malaikat serta orang yang berilmu juga menyatakan demikian dengan menegaskan keadilan (*qiyām bi al-qiṣṭ*)” (Āli ‘Imrān, 3:18), ayat ini menegaskan kedudukan ulama bersama para malaikat sebagai saksi terhadap kebenaran (*shuhadā’ bi al-ḥaqq*). Al-Rāzī (1999) menekankan bahawa penyebutan ulama selepas Allah dan malaikat menunjukkan betapa mulia kedudukan mereka, dengan amanah besar untuk berlaku adil dalam segala urusan. Menurut al-Ṭabarī (2000), keadilan ini bukan hanya terbatas pada aspek kehakiman, tetapi juga termasuk memberi nasihat, bimbingan dan panduan ilmu yang mengangkat martabat masyarakat. Ibn Kathīr (1999) menjelaskan bahawa ulama *haqq* tidak akan menyembunyikan kebenaran demi keuntungan diri atau kepentingan kelompok tertentu, bahkan mereka berani menyingkap konflik kepentingan serta konsisten menegaskan batas halal dan haram tanpa kompromi. Al-Qurtubī (2003) pula menegaskan bahawa keadilan menuntut ulama untuk tidak mengeksploitasi agama demi keuntungan material, sebaliknya menyampaikan ilmu dengan jujur, telus dan realistik. Inilah sifat ulama *haqq* yang tidak gentar menghadapi tekanan politik atau sosial, kerana kesaksian mereka berlandaskan kebenaran Allah semata (al-Nisā’, 4:135; al-Mā’idah, 5:8). Justeru, *qiyām bi al-qiṣṭ* membuktikan bahawa ulama *haqq* bukan sahaja pemegang autoriti ilmu, tetapi juga autoriti moral serta menjadi pembimbing ummah untuk berdiri atas prinsip keadilan syumul tanpa bias, manipulasi atau kompromi. Mereka ialah pemegang amanah maklumat, yang tidak menyebarkan berita tanpa *tabayyun* dan berlaku adil dalam setiap penyampaian hukum.

Tawādu’

Tawādu’ merupakan ciri asasi ulama *haqq* yang menggambarkan kesediaan mereka merendahkan diri, menerima teguran serta mengakui keterbatasan ilmu. Firman Allah ﷻ: “...dan tidaklah kamu diberi ilmu melainkan sedikit” (al-Isrā’, 17:85) dan “...dan setiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui” (Yūsuf, 12:76) menegaskan hakikat bahawa manusia hanya memiliki ilmu terhad. Al-Qurtubī (2003) menjelaskan bahawa keterbatasan ini menuntut ulama sejati untuk sentiasa terbuka kepada nasihat dan kritikan. Kisah Nabi Mūsā AS yang merendahkan diri memohon untuk berguru dengan Nabi Khidr AS (al-Kahf, 18:66) menjadi teladan bahawa walaupun bergelar rasul, tetap perlu *tawādu’* dalam menuntut ilmu. Al-Rāzī (1999) dan Ibn Kathīr (1999) menekankan bahawa sikap sebegini menunjukkan ulama sejati tidak pernah merasa cukup dengan ilmu, bahkan

sentiasa mencari kebenaran daripada sumber sahih. Sifat *tawādu'* ini juga diperkukuh oleh firman Allah ﷻ: "...maka bertanyalah kamu kepada *ahl al-dhikr* jika kamu tidak mengetahui" (al-Anbiyā', 21:7), yang menurut al-Ṭabarī (2000) menegaskan keperluan ulama saling merujuk antara satu sama lain. Oleh itu, *tawādu'* bukanlah sekadar akhlak peribadi, tetapi suatu disiplin rohani dan metodologi ilmu yang menjaga kewibawaan ulama. Ulama *haqq* berbeza dengan ulama *su'* kerana mereka terbuka untuk ditegur, menjauhkan diri daripada kesombongan dan tidak memperalatkan status ilmu untuk memperdayakan orang lain. Dengan demikian, *tawādu'* menjadi identiti ulama *haqq* yang menzahirkan keikhlasan, keluhuran akhlak dan penghormatan terhadap kebenaran.

Amānah al-Bayān

Ciri kelima yang menjadi penanda penting ulama *haqq* ialah *amānah al-bayān*. Allah ﷻ berfirman: "Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian dari orang yang diberi Kitab: Hendaklah kamu menerangkannya kepada manusia dan jangan kamu menyembunyikannya" (Āli 'Imrān, 3:187). Ayat ini menegaskan bahawa ulama memiliki mandat untuk menyampaikan kebenaran secara telus dan tidak boleh memilih-milih nas untuk melayani hawa nafsu. Al-Ṭabarī (2000) menyatakan bahawa ulama yang amanah akan menjelaskan hukum berserta batasannya secara terang, manakala Ibn Kathīr (1999) menegaskan bahawa menyembunyikan kebenaran adalah bentuk pengkhianatan terbesar seorang ulama. Dengan itu, integriti dalam penyampaian ilmu menjadi tiang utama yang membezakan ulama *haqq* daripada ulama *su'*. Prinsip ini berhubung secara langsung dengan tradisi sanad, baik secara *riwāyah* mahupun *dirāyah*. Ibn al-Mubārak menegaskan bahawa *al-isnād min al-dīn*, iaitu sanad adalah sebahagian daripada agama; tanpa sanad, sesiapa sahaja boleh berkata sesuka hati (al-Dhahabī, 2004). Demikian juga, Muḥammad ibn Sīrīn menekankan peranan sanad dalam membezakan antara riwayat sahih *Ahl al-Sunnah* dan riwayat batil ahli *bid'ah*. Ayat-ayat lain seperti Surah al-Qaṣaṣ 28:80, al-'Ankabūt 29:49 dan al-Ḥajj 22:54 memperkukuh ciri ini dengan menggambarkan ulama sejati sebagai mereka yang tunduk kepada kebenaran, mengutamakan akhirat dan tidak mencampuradukkan *haqq* dengan batil. Hadis Nabi Muhammad ﷺ dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* tentang hilangnya ilmu dengan wafatnya ulama menekankan lagi kepentingan menjaga kesinambungan ilmu melalui sanad yang *maqbul*. Oleh itu, *amānah al-bayān* bukan sekadar kewajipan menyampaikan ilmu, tetapi merupakan struktur epistemologi Islam yang mendasari integriti, ketulenan dan kemurnian wahyu. Ulama *haqq* tampil sebagai benteng umat dengan tidak menyembunyikan kebenaran, tidak berdusta atas nama agama dan tidak memperalatkan nas demi kepentingan duniawi.

Ciri-ciri Ulama *Su'*

Penulisan ini mengidentifikasi empat ciri utama ulama *su'*, iaitu:

Mukhālafah Bayna al-'Ilm wa al-'Amal (Ilmu Tidak Selaras dengan Amal)

Ciri paling mendasar ialah ketidakselarasan antara ilmu dan amalan. Firman Allah ﷻ: "Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri, padahal kamu membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?" (al-Baqarah, 2:44). Ayat ini, menurut al-Qurṭubī (2003), tidaklah mencela amalan menyeru kebaikan, tetapi mengecam keras golongan berilmu yang gagal mengamalkan apa yang mereka ajarkan. Gambaran lebih keras diberikan dalam Surah al-Jumu'ah 62:5, yang menyamakan mereka dengan keldai yang memikul kitab yang menandakan ulama yang berilmu tetapi tidak mengambil manfaat daripadanya (Ibn Kathīr, 1999).

Tahrīf al-Nuṣūṣ (Memanipulasi Teks Agama)

Ciri kedua ialah sengaja memutar-belitkan nas syarak untuk kepentingan duniawi. Allah berfirman: “Mereka mendengar Kalam Allah, kemudian mengubah maksudnya setelah mereka mengetahuinya, sedang mereka tahu akan kesalahan itu” (al-Baqarah, 2:75). al-Ṭabarī (2000) menjelaskan bahawa bentuk *tahrīf* ini dilakukan secara sedar demi memperoleh kuasa atau kepentingan sempit. Ia kelihatan dalam sejarah ketika ahli Kitab memanipulasi syariat dan berulang dalam watak ulama batil yang mengubah makna wahyu demi kepentingan tertentu.

Kitmān al-Ḥaqq wa Talbīsuhu bi al-Bāṭil (Menyembunyi Kebenaran dan Mencampurkannya dengan Kebatilan)

Ulama *su'* juga dikenal melalui sikap menyembunyikan kebenaran dan mencampur-adukkan wahyu dengan kebatilan. Kisah Bal'am ibn Bā'ūrā dalam Surah al-A'rāf, 7:175-177 menjadi contoh klasik. Bal'am diberi ilmu istimewa bahkan mengetahui *Ism Allāh al-A'zam*, namun lebih memilih untuk menyokong musuh Nabi Musa AS demi kepentingan duniawi. Allah ﷻ menggambarkan sebagai orang yang “dituruti syaitan, lalu jadilah ia daripada golongan sesat” (al-A'rāf, 7:176). Sifat ini diulas Sridepi (2021) sebagai bentuk pengkhianatan terburuk, kerana ilmu dijadikan senjata mengkhianati agama sendiri. Hal yang sama ditegaskan dalam Surah al-Baqarah 2:85 dan Āli 'Imrān 3:71, tentang golongan yang memilih sebahagian ajaran agama tetapi menolak sebahagian lain serta mencampurkan *haqq* dan batil secara sengaja.

Hizb al-Shayṭān

Ciri jelas ulama *su'* yang berpaling daripada amanah ilmu sehingga menjadi alat syaitan dalam menyesatkan umat. Allah ﷻ berfirman: “Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati Allah; mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak syaitan itu sebenarnya orang yang rugi” (al-Mujādilah, 58:19). Ibn Kathīr (1999) mentafsirkan ayat ini sebagai golongan munafik yang dikuasai syaitan hingga lupus zikrullah daripada hati mereka, lalu termasuk dalam tentera syaitan yang rugi di dunia dan akhirat. Al-Ṭabarī (2000) pula menyebut penguasaan syaitan di sini ialah kebergantungan penuh manusia kepada hawa nafsu sehingga melupakan ketaatan kepada Allah. Ulama *su'* yang memanipulasi agama, menyembunyikan kebenaran, atau mencari keuntungan duniawi dengan kedudukan mereka tergolong dalam kalangan ini kerana sikap mereka menguatkan dominasi syaitan dalam masyarakat. Al-Qurṭubī (2003) menjelaskan bahawa penyandaran istilah *hizb* kepada syaitan menggambarkan kesetiaan ideologis: mereka tunduk dan menjadi pengikut syaitan dengan rela, walaupun berilmu. Pandangan serupa diutarakan al-Rāzī (1999) yang menekankan bahawa kunci penguasaan syaitan ialah kelalaian daripada zikrullah. Jika ulama sendiri lalai, mereka mempercepat kerosakan umat. Hal ini selari dengan penegasan al-Qur'an dalam Surah Fāṭir 35:6 bahawa syaitan hanya mengajak golongannya menjadi penghuni neraka serta tipu dayanya yang digambarkan dalam Surah al-A'rāf 7:16-17 dan al-Mā'idah 5:91, iaitu menjerat manusia dengan kebencian, permusuhan dan kelalaian

Analisis dan Perbincangan

Penulisan turut menegaskan lima ciri utama ulama *haqq* hasil sintesis ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan, iaitu: *khashyah* Allah, *rasikhūn fi al-'ilm*, *qiyām bi al-qisṭ*, *tawādu'* dan *amānah al-bayān*. Ciri-ciri ini bukan sekadar dimensi intelektual, tetapi merangkumi amal dan kerohanian yang menjadikan ulama *haqq* sebagai penerus *risalah Nubuwwah*. Mereka tampil sebagai pewaris Nabi Muhammad ﷺ dalam tiga aspek utama iaitu ilmu (menyampaikan wahyu dengan sahih), tarbiyah (mendidik jiwa dan akhlak umat) serta hikmah (menyesuaikan wahyu dengan konteks semasa). Melalui sanad guru yang sahih, kesinambungan ilmu dan adab terjamin, menjadikan ulama *haqq* benteng terhadap penyelewengan agama. Namun, rumusan kajian juga

mengingatkan bahawa al-Qur'an memberi peringatan keras tentang ulama *su'*. Mereka sering memperlihatkan ciri tidak konsisten antara ilmu dan amal, memutarbelitkan nas demi kepentingan duniawi serta menyembunyikan kebenaran dengan mencampurkannya bersama kebatilan. Kisah Bal'am ibn Bā'ūrā (al-A'rāf, 7:175-177) menjadi teladan buruk tentang bagaimana seorang berilmu boleh jatuh ke lembah kehinaan kerana kerakusan duniawi, bahkan diserupakan Allah seperti anjing yang sentiasa terengah-engah, simbol tamak yang tiada henti. Ulama seperti ini tergolong dalam *hizb al-shaytān*, kerana mereka menjadi alat syaitan menyebarkan permusuhan, melalaikan manusia daripada zikrullah dan memecahbelahkan umat. Dalam konteks kontemporari, khususnya masyarakat Malaysia dan Asia Tenggara, kajian ini memberikan kerangka praktikal untuk menilai keaslian ulama. Ulama *haqq* dikenali melalui kesatuan antara ilmu, amal dan akhlak, manakala ulama *su'* menggunakan agama sebagai alat kepentingan diri. Kesedaran ini penting bagi masyarakat agar tidak mudah terpedaya dengan wajah agama yang palsu dan sebaliknya tetap berpegang kepada *ahl al-haqq* yang akan sentiasa dipelihara Allah ﷻ.

Kesimpulan

Penulisan ini merumuskan bahawa antara isu besar yang dihadapi masyarakat Islam hari ini ialah fenomena tertipu dan terkeliru dengan golongan yang berpenampilan seperti ulama. Mereka mengenakan pakaian agama, membawa gelaran terhormat, bahkan memiliki kemampuan retorik agama yang mengagumkan, namun pada hakikatnya tergolong sebagai ulama palsu. Fenomena ini mengakibatkan sebahagian masyarakat meletakkan kepercayaan kepada tokoh yang hanya memanipulasi simbol-simbol agama untuk kepentingan duniawi, sekali gus merosakkan imej ulama yang sebenar. Selanjutnya, makalah ini juga menegaskan bahawa ulama *haqq* ialah mereka yang berilmu dengan ilmu yang benar dan menggunakan ilmu tersebut untuk membimbing diri sendiri serta umat menuju kesedaran dan keterhubungan mendalam dengan Allah ﷻ dan Rasulullah ﷺ. Peranan ulama *haqq* bukan sekadar pada ranah keilmuan akal, tetapi juga mencakupi dimensi perbuatan (amal) dan kerohanian. Mereka adalah pewaris Nabi ﷺ pada aspek ilmu, tarbiyah dan juga hikmah, melalui bimbingan guru mursyid yang sahih sanadnya bersambung kepada Baginda. Tanda-tanda mereka dapat dikenali melalui kata-kata, perbuatan dan akhlak yang konsisten menafikan serta menentang segala bentuk usaha syaitan yang menanamkan '*adāwah* (permusuhan) dan *baghdā'* (kebencian). Ulama *haqq* meneruskan misi kenabian dengan penuh amanah, tidak dipandu oleh kepentingan duniawi, tetapi hanya kerana mencari keredaan Allah ﷻ. Dengan itu, jelaslah ulama *haqq* bukan sekadar tokoh berilmu, tetapi adalah cahaya penerang yang membimbing manusia menuju kebenaran, kasih sayang dan keselamatan sebagaimana yang diwariskan daripada Rasulullah ﷺ.

Rujukan

- Abū Dāwūd, S. I. I. A. S. (t.th.). *Sunan Abī Dāwūd, Kitab al- 'Ilm*. Hadith No. 3641. Beirut: al-Maktabah al- 'Asriyyah.
- al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept of Education in Islam: A Framework for An Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia
- al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Astro Awani. (2024). Kes Da'i Syed: Hakim sifatkan jenayah rogol tidak dapat diterima akal. <https://www.astroawani.com>. [Akses pada 20 Januari 2026].
- Azhar, M. (2022). Ulama al-su' dalam perspektif ulama hadis dan Imam al-Ghazali: Analisis perbandingan. *Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 107-118.
- Berita Harian. (2024). Polis terima laporan kes liwat melibatkan seorang ustaz. <https://www.bharian.com.my> [Akses pada 20 Januari 2026].
- Berita Harian. (2025). Drama *Bidaah* terima teguran JAKIM. <https://www.bharian.com.my>. [Akses pada 20 Januari 2026].
- al-Dārimī, A. M. A. A. R. (2000). *Sunan al-Dārimī*. Hadith No. 371-373). Riyadh: Dar al-Mughni.
- al-Dhahabī, M. A. (2004). *Siyar A 'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Fatih, M. (2019). Konsep ulama dalam pandangan mufassir Indonesia: Studi aspek keindonesiaan dan metodologi Tafsir al-Azhar karya Hamka. *Journal of Islamic Religious Instruction*, 3(2), 67-78.
- Free Malaysia Today. (2025). Ustaz tipu pakej haji: 22 laporan polis dibuat. <https://www.freemalaysiatoday.com> [Akses pada 20 Januari 2026].
- al-Ghazali, A. H. M. (2020). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Sunt. Mustafa, 'A. M. Dimashq: Dar al-Fayha'.
- Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Harapan Daily. (2025). Mutawif Malaysia dipenjara kerana tipu ustaz ketika urus umrah. <https://www.harapandaily.com> [Akses pada 20 Januari 2026].
- Harian Metro. (2025). Penceramah bebas dipenjara 15 tahun kerana rogol kanak-kanak. <https://www.hmetro.com.my>. [Akses pada 20 Januari 2026].
- Hashim, R. & Rossidy, I. (2000). Islamization of knowledge: A comparative analysis of the conceptions of al-Attas and al-Faruqi. *Intellectual Discourse*, 8(1), 19-44.
- Hsubky, A. (1995). *Ulama: Definisi dan Peranan dalam Sejarah Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ibn Abi al-Dunya, 'A. M. (1993). *Kitab al-Awliya'*. Sunt. Zaghlul, M. S. Beirut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Ibn Kathīr, I. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al- 'Aẓīm*. Jil. 1-8. Riyadh: Dar Ṭayyibah.
- Ibn Manẓūr, M. (1990). *Lisān al- 'Arab*. Jil. 1-20. Beirut: Dar Ṣādir.
- Kosmo!. (2025). Isu pendedahan skandal cabul agamawan di Aceh selepas tayangan drama *Bidaah*. <https://www.kosmo.com.my> [Akses pada 20 Januari 2026].
- Muslim, I. H. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Imārah, Hadis No. 1920. Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi Press.
- Muslim, M. (2005). *Mabāḥith fī al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Qaraḍāwī, Y. 'A. (1996). *Thaqāfah al-Dā'iyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurṭubī, M. A. (2003). *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 1-20. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rasyid, H. (2011). Keutamaan ilmu ulama perspektif hadis. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- al-Rāghib, H. I. M. A. (2001). *Mufradāt Alfāẓ al-Qur'ān*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Rāzī, F. M. I. 'U. (1999). *Maḥāṭib al-Ghayb*. Jil. 1-32. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Sinar Harian*. (2024). Ustaz scammer tawar skim pelaburan “Islamik” perdaya ratusan orang ramai. <https://www.sinarharian.com.my>. [Akses pada 20 Januari 2026].
- Sjadzali, M. (1993). *Islam: Realitas Baru dan Orientasi Masa Depan Bangsa*. Jakarta: UI-Press.
- Sridepi. (2021). Kontekstualisasi kisah dalam Surah al-A‘rāf ayat 175-177 dengan prototipe ulama hipokrit (Studi analisis tafsir tematik). Skripsi. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- al-Ṭabarī, M. J. (2000). *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- al-Zarkashī, M. ‘A. (1957). *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Sunt. Ibrāhīm, M. A. F. al-Qahirah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.